



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI BULAN APRIL 2023**

3 APRIL 2023

DEWAN DE' SERI ENDON PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah thumma Alhamdulillah

Wamaa Tawfiqi Illa Billah

Aalayhi Tawakkaltu Wa Ilayhi Oneeb

Alhamdulillahil Qawiyil

Shahru Ramadan Allazi Unzila Fihil Quran

Hudan Linnasi Wabayyinatin Minal Huda Wal Furqan

Wasallallah hu ala saidina Muhammad, wa'ala a'lihi wasabihi wassalam

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof

YB Menteri-Menteri

Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara

Dan rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Alhamdulillah kita dapat meneruskan dengan penghayatan Ramadan. Dan saya baca tadi sepotong ayat Quran yang terkait dengan bulan Ramadan, *Shahru Ramadan Allazi Unzila Fihil Quran*, bulan turunnya Al-Quran *Hudan Linnasi* sebagai petunjuk kepada manusia, supaya kita dapat perimbangan di antara yang baik dan yang buruk, sebab itu disebut *furqan*.

2. Saya sengaja kaitkan perhimpunan ini dengan Ramadan dan Al-Quran kerana kita harus, dalam kesibukan kita setiap hari, malam mendekatinya dengan membaca, menelaah dan menghadam. Ada dalam tradisi kita yang menjurus kepada khatam, itu terserah, tetapi saya masih ingat pesanan salah seorang sheikh saya Sheikh Taha Jabir Al Al-wani, kata dia yang juga afdal yang tidak boleh kita tinggalkan ialah maksud turunnya Al-Quran ini supaya menjadi petunjuk kepada manusia. Supaya dapat kita menilai di antara yang baik dan yang buruk, yang maaruf dan yang mungkar, yang hak dan yang batil.

3. Tapi caranya bagaimana? tentunya membaca, memahami menelaah, menghayati. Sebab itu, lebih baik kalau diadakan majlis-majlis seperti mana yang saya usulkan dan maklum kepada Tan Sri KSN supaya semua Jabatan/ Kementerian/ Agensi mengadakan majlis singkat pada waktu zuhur iaitu dari jam satu sehingga zuhur itu dengan tazkirah yang menumpu kepada satu dua ayat Quran dan menelaah supaya dapat menghadam. Sebab itu generasi awal di bawah pimpinan Rasulullah S.A.W, disebut sebagai Jilun Qur'aniyun Farid merupakan generasi al-Quran yang unik kerana dia membaca dan memahami. Kerana memahami, menghayati dan mengamalkan.

4. Saya juga seperti mana saudara tahu, pagi semalam baru pulang dari Negara China dan alhamdulillah satu kejayaan luar biasa bagi negara. Tetapi saya tekankan di akhir itu kerana apa? Kerana pasukan, rakan-rakan Menteri yang bertungkus-lumus sebelumnya bersama-sama Jabatan-Jabatan, pegawai-pegawai bukan sahaja Matrade, MIDA tetapi seluruh Jabatan. Memberi keyakinan baru apabila politik kita stabil. Dia memberi keyakinan baru, bila *ease of doing business* itu jelas. Dia menambah keyakinan pelabur bila kita berikan ketetapan jelas bahawa harus ada kaedah baru yang lebih cekap dan bersih.

5. Kita tak boleh nafikan masih ada. Saya pun masih dengar orang minta komisen di pejabat saya, pejabat Menteri, pejabat pegawai-pegawai, ini kerana budaya lama itu mahu dibersihkan itu mengambil masa. Jadi saya minta kerjasama saudara-saudara kerana bila imej itu baik dia mudah sekali.

6. Cara Presiden Xi Jinping dan Perdana Menteri China, Li Qiang melayani kita luar biasa. Saya tentunya terkesan, terharu juga ya kerana bukan sekadar layanan ini *God of owners* tetapi dari perbincangan hati ke hati mereka menghormati pendirian kita. Bukan sahaja kita meneliti tentang inisiatif Belt and Road Initiative (BRI), turut dibincangkan beberapa inisiatif baru presiden berkaitan pembangunan, keselamatan dan peradaban

atau tamadun iaitu *development initiative, security initiative and civilizational initiative*.

7. Kemudian dalam penghantar itu dia sebut tentang MADANI, dia sebut tentang Asian Renaissance yang saya tulis dulu, dia sebut tentang minat saya mengkaji dan mendalami ajaran Confucius dan dianggap kita juga suara bagi dunia Islam. Jadi perbincangan itu perbincangan dengan penuh penghormatan bukan sahaja dalam bahasa diplomasi biasa.

8. Tapi saya insaf bahawa ini bukan kerana seorang Perdana Menteri tetapi juga pasukan pimpinan dan penjawat awam. Dan kalau saudara tengok umpamanya bagaimana penjawat awam menyusun acara mendapatkan hampir 50 syarikat gergasi terbesar, yang puluh-puluh billion dollar *worth*, kadang ratusan billion pun ada yang boleh hadir. Saya pun lama dalam kerajaan dulu dan juga teliti dalam keadaan yang terbaru. Belum pernah berlaku begitu, belum pernah ada suatu minat dan kesediaan untuk berbincang dan berunding. Ini kerana usaha dibuat bukan sahaja oleh Kementerian luar tapi semua kementerian terkait. Berbincang dan menemui mereka sebelum ada pertemuan itu. Sebab tu saya nak sampaikan ini kerana saya bersyukur kepada Allah Taala dan kerana semangat ini wujud sebagai satu pasukan. Saya nak bagi jaminan kalau kita dapat kekalkan *piece* kepesatan dari segi tadbir urus atau tatakelola dan imej yang

baik, saya percaya masa depan negara itu lebih cerah daripada dulu.

9. Saya terasa seolah-olah ada satu lonjakan baru tentang imej Malaysia dan harapan Malaysia kerana ada beberapa syarikat terkemuka, mungkin dalam beberapa hari saya akan umumkan yang memutuskan depan saya boleh bincang untuk menjadikan Malaysia ini *regional hub* dia selain daripada Negara China. Selalunya di negeri-negeri lain, negeri-negeri jiran. Tapi ini kali pertama beberapa memilih untuk menjadikan negara ini sebagai *regional hub*.

10. Apakah perubahan yang sedikit selain benda yang saya sebutkan tadi? Saya katakan kadang-kadang syarikat China datang sini, pekerjaanya keseluruhannya dari Negara dia. Jadi saya usulkan, mesti ambil orang tempatan yang mempunyai kelayakan. Kalau dikenal pasti tidak mempunyai tenaga yang cukup kita akan luluskan segera dengan syarat mereka buktikan ada usaha yang awal mengambil anak tempatan.

11. Yang kedua, jika tidak punyai kelayakan, dia adakan pasukan pelatih kerana pelaburan ini bukan pelaburan satu dua billion, pelaburan puluhan billion. Macam yang *oil and gas* dan farmaseutikal itu besar, kemudian Geely dengan Proton itu juga puluh bilion. Jadi, dalam perbincangan saya dengan mereka dan

syarikat tempatan, Proton di bawah Tan Sri Syed Mokhtar dipersetujui untuk adakan program latihan khusus untuk menentukan dipilih dari anak-anak tempatan. Sebelum unjuran satu dua tahun sebelum mereka membuka ruang kepada sekiranya tidak ada kepada pegawai-pegawai iaitu professional dari Negara China.

12. Dan bagi saya alhamdulillah bila kita tegas sebelum ini mereka sambut baik dan ini seperti yang saudara kali pertama kerana pengalaman awal ECRL itu agak dan juga Twin City yang di Kuantan itu. Kadang-kadang jumlah sepertimana yang dilapor oleh pegawai-pegawai kepada saya itu, jumlah yang diambil itu kadang menyeluruh dalam semua bidang termasuk tukang gunting, buat restoran, sekuriti semua dari luar. Saya kata, dasar ini tidak boleh diterima dan alhamdulillah ya mereka terima. Syarat ini kerana saya kata kalau kita mahu ada satu hubungan yang lebih akrab, rakan dagang yang diplomasi itu boleh diteruskan.

13. Malah dalam beberapa isu lain yang agak sensitif seperti Laut China Selatan dengan Presiden Jinping, saya bangkitkan kerana Petronas ada pelantar terbesar yang pernah disediakan di negara kita dan meneruskan projek cari gali di situ. Dan ini kemudian bercanggah kerana di kawasan itu ada tuntutan yang sama dari negara China. Saya beritahu bahawa sebagai negara

kecil yang memerlukan sumber. Maka, minyak dan gas kita terpaksa teruskan. Tapi kalau syaratnya harus ada rundingan untuk pastikan, maka kita sedia berunding.

14. Jadi ada kesediaan yang begitu pada saya. Ya syukur kepada Allah kerana dia tidak menjejaskan kepentingan kita di mana-mana. Ada beberapa isu kecil atau besar yang agak terlalu sensitif, saya guna ruang untuk empat mata. Sekadar bincang menyebut bahawa ada keprihatinan masyarakat Malaysia atau umat tentang perkembangan, tanggungjawab kita untuk menyampaikan walaupun itu urusan dalam negeri masing masing.

15. Umpamanya seperti Myanmar. Negara China itu rapat dengan Myanmar. Ya, tapi dasar mereka itu tidak campur tangan, saya kata kita pun tak maksud nak campur tangan urusan sistem dia. Ya kita perkenalkan sistem kita, tetapi ada hampir 200,000 pelarian Rohingya di sini. Jadi, sama ada kita suka atau tidak apa yang berlaku di negara Myanmar yang menafikan hak penduduk Myanmar sendiri termasuk Rohingya itu memberi kesan kepada kita.

16. Jadi saya menyebut kepada Presiden Jinping, kata ini 200,000 kita nak buat apa? hantar balik dia tak terima, ini satu negara di mana tak terima rakyat dia dan dianiayai,

dimusnahkan rumah mereka dan sebagainya. Jadi sekurang-kurangnya kita zahirkan dan tentunya jawapan pimpinan negara China mereka akan teruskan perundingan dan perbincangan dengan pihak Myanmar.

17. Jadi, saya memilih untuk sebut hal ini kerana dalam sistem kerajaan ini memerlukan seluruh jentera dan kekuatan. Kita boleh sampai ke tahap ini kerana maklumat sampai kepada saya. Penyelidikan, bahagian risikan semuanya sampai yang membolehkan kita punya kekuatan. Di samping itu, ada seperti mana saya tahu sebelum Menteri menemui iaitu Perdana Menteri menemui dia, ada beberapa langkah awal oleh pegawai di pelbagai kementerian itu memulakan perbincangan dan menetapkan tajuk-tajuk penting yang hendak dikemukakan.

18. Umpamanya kita sekarang selain pelaburan eksport kita lebih mudah. Bukan sahaja durian, saya pun baru tahu dia minat betul nangka. Orang China minat betul nangka, jadi *jack fruit* itu sebagai satu tajuk khas untuk dia izinkan import tambahan daripada Malaysia.

19. Jadi kita memberi apa bentuk ruang bukan sahaja syarikat-syarikat swasta tapi bentuk kerjasama kerajaan. Saya memilih negara China kerana kebetulan negara China. Sebelum itu Kemboja, sebenarnya kalau tanya saya, saya ni *old*

school sikit. Kalau bulan Ramadan tak berapa suka nak jelajah mana-mana, tapi tarikh itu ditetapkan jadi kita pilih. Sebab tu saya pergi Kemboja dan Perdana Menteri Hun Sen kata, dia nak saya hadir bersama dengan majlis 6000 umat Islam Kemboja berbuka puasa bersama dia. Dan saya fikir ini satu kemajuan ya. Jadi bagi umat Islam itu yang 10% sebenarnya di Kemboja berbuka puasa dan kita gunakan majlis itu untuk menemui mereka. Kemudian solat di masjid dan terawih di masjid di Kemboja. Begitu juga di negara China kita sempat solat Jumaat, tetapi kita Maghrib dan terawih itu di hotel berdekatan kerana masalah perjalanan. Jadi kita di Negara China pun misi yang sama dan dalam ucapan saya di Bau International forum itu saya sebut juga hadis Rasulullah S.A.W selain daripada Confucius.

20. Ini kebiasaan yang orang kata Anwar ini *plural, multicultural* dan liberal. Bercakap dengan negara China sebutlah Confucius sikit. Jadi kita rasa tunjuk dia hormat, kita hormat, faham dia yang selaras dengan fahaman kita yang tidak bercanggah. Kemudian baru masukkan kata-kata Rasulullah kalau tekan kalau berucap sana kita kalau Allah Taala fil Quran hati dia pun apa dia ni? Jadi kebijaksanaan itu kadang dicela sebagai *plural liberal* itu. Tapi tak apalah. Sebab itu saya jawab masa lainlah. Tapi pegawai kena faham juga ya. Kalau tidak tak terjawab ini.

21. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih. Saya agak terkesan sedikit ya kerana saya lihat dalam persiapan-persiapan itu sangat baik. Sebab itu, dalam sistem Kerajaan kita saya membentuk Kabinet, bentuk banyak Kabinet, *Cabinet Committee* dan pengerusikan oleh Datuk Seri Zahid dan Datuk Seri Fadillah untuk memastikan peringkat pelaksanaan itu berkesan. Sekarang kita tengok kalau kita teliti pelaksanaan, ada beberapa jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN, termasuk yang penanaman padi tiga empat kali, yang sawah ,ya itu kita akan luncurkan. Jadi, ini bagi saya penting kerana perubahan kita untuk islah yang kita bincangkan itu tidak mungkin berlaku meningkat tanpa pasukan semangat bersama.

22. Mudah-mudahan Ramadan ini kita dapat meningkatkan kedudukannya, penutup saya nak sebut, Ramadan ini seperti sekolah. Sekolah Ramadan yang dipanggil *Tarbiyyahtul Rohiyyah* atau *Ramadan Rohiyyah spiritual journey to Ramadan*. Kalau dikatakan Ramadan itu madrasah, pasti seumpama ujian. Kalau ditanya berapa tahun sudah, berapa kali sudah ambil Ramadan? 40 ada, yang 20, ada 30 tapi ada yang masih tahap C+ sahaja.

Mudah-mudahan Ramadan ini, *La' Allakum Tattaqun* kita dapat tingkatkan darjat kita dengan fokus kepada membaca dan menelaah al-Quran dan memahaminya. Dan saya harap

Jabatan-Jabatan tanpa kecuali adakan majlis ini berulang kali dengan tazkirah, saya minta JAKIM selaraskan kalau diperlukan penceramah-penceramah supaya ada manfaat dan kefahaman yang meningkat.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.